


# Skrip Follow Up The Reconnect Plans

Skrip ini khas untuk follow up prospek atau pelanggan dah lama anda tak hubungi. Fahamkan struktur dan seeloknya guna ayat yang anda biasa gunakan.



## Pelan Tindakan

1	Keluarkan data & masukkan ke Excell <i>Cth: Nama, nombor, produk yg dibeli, dll</i>
2	Tentukan tawaran yang ingin diberikan
3	Rangka, tulis skrip blast & set 'kata kunci'
4	Tentukan waktu untuk broadcast
5	Hantar guna sistem blast <i>Cth: Wabot @ Wabot PRO</i>
6	Pantau respon pelanggan
7	Analisa keberkesanan



## Skrip Pitching: Promosi Terbaru

<b>Perkenalkan diri daripada syarikat mana</b>	Hai [nama pelanggan], saya [penjual] dari [kedai]
<b>Ingatkan pelanggan pernah beli dengan anda</b>	Terima kasih sebab pernah beli [item produk] daripada [kedai] saya sebelum ni.
<b>Beritahu ada promosi khas untuk pelanggan setia</b>	Sempena [tema], kami ada promosi khas untuk pelanggan setia.
<b>Minta dia reply sebagai tanda berminat</b>	Boleh reply 'SK30' di Whatsapp ini sebagai tanda berminat untuk dapatkan diskaun khas dari saya.
<b>Post skrip untuk opt out</b>	p/s: Jika tidak berminat untuk terima mesej & tawaran dari saya lagi, boleh reply STOP ya.

### Contoh

Hi Siti, saya Erin dari ABC Boutique.

Terima kasih sebab puan pernah membeli baju dari kedai kami.

Sempena Ramadan ni, kami ada promosi istimewa hanya untuk pelanggan setia seperti Siti! Balas '**PROMO123**' untuk mendapat diskaun tambahan!

p/s: Reply STOP kalau dah tak berminat nak terima sebarang offer daripada ABC Boutique

Salam Encik Ali, saya Sarah dari XYZ Skincare.

Encik sebelum ini pernah beli produk penjagaan kulit dari kedai kami.

Kami ada promosi istimewa hanya untuk pelanggan setia seperti encik! Balas '**SKIN123**' untuk mendapat hadiah percuma untuk pembelian seterusnya!

p/s: Reply STOP tanda dah tak berminat dengan tawaran daripada XYZ Skincare

Salam Tn. Ahmad, saya Aisyah dari Teknik Laptop Solutions.

Encik sebelum ini pernah ambil servis baiki laptop dari kami.

Kalau encik ada hasrat seperti:

- Nak lajukan lagi laptop
- Nak bersihkan habuk
- Nak tukar aksesori baru

Sempena Ramadan ni, ada promosi istimewa hanya untuk pelanggan setia seperti encik! Boleh reply '**REPAIR123**' untuk mendapat penjimatan tambahan untuk servis seterusnya!

p/s: Andaikata sudah tidak berminat & tak nak terima apa-apa mesej daripada Aisyah lagi, boleh reply STOP ya. Terima kasih.

## Skrip Reply: Beli di Website

<b>Ucap penghargaan</b>	Terima kasih [nama pelanggan] sebab berminat dengan promosi ini.
<b>Beritahu cara yang mudah untuk dapatkan promosi</b>	Boleh masukkan kod kupon [nama kupon] untuk diskauns sehingga 20% untuk pembelian minima RM100.  Link website: [link url]
<b>Penerangan tawaran tambahan (jika ada)</b>	Tawaran ini khas untuk [nama koleksi] sahaja & sah dalam masa 3 hari bermula hari ini.  So, jangan lepaskan peluang.
<b>Buka ruang untuk tanya soalan</b>	Kalau ada soalan, boleh tanya terus Erin di sini okay. Happy shopping ~

### Contoh

Terima kasih Siti sebab berminat dengan promosi ini!

Boleh gunakan kod kupon 'SKIN123' semasa pembelian di laman web XYZ Skincare & nikmati diskaun 20% tanpa sebarang capped.

Klik sini: [link url]

Tawaran ini sah untuk 3 hari sahaja.

Jadi jangan lepaskan peluang ini! Jika ada sebarang soalan, boleh reply. Nanti Erin tolong terangkan...

## Skrip Reply: Beli di Kedai

<b>Ucap penghargaan</b>	Terima kasih [nama pelanggan] sebab berminat dengan promosi ini.
<b>Beritahu cara yang mudah untuk dapatkan promosi</b>	Sila tunjukkan mesej ini di kaunter untuk menerima promosi ini.
<b>Penerangan tawaran tambahan (jika ada)</b>	Tawaran ini khas untuk [servis tersenarai] sahaja & sah dalam masa 3 hari bermula hari ini.  So, jangan lepaskan peluang.
<b>Waktu operasi</b>	Bila waktu kedai beroperasi?  Hari Isnin - Sabtu: 9.00 pagi - 6.00 petang Hari Ahad: 9.00 pagi - 3.00 petang  Waze / GPS: [link waze]
<b>Buka ruang untuk tanya soalan</b>	Kalau ada soalan, boleh tanya terus Erin di sini okay. Happy shopping ~

### Contoh

Terima kasih En. Ahmad sebab berminat dengan promosi kami!

Sila tunjukkan mesej ini di kaunter kedai & nikmati diskaun 10% untuk servis laptop seterusnya di Teknik Laptop Solutions.

Tawaran sah sehingga 28hb bulan ini.

Bila waktu kedai beroperasi?

Hari Isnin - Sabtu: 9.00 pagi - 6.00 petang  
Hari Ahad: 9.00 pagi - 3.00 petang

Waze / GPS: [link waze] (No. 11, Lot 5, Seksyen 1, Bangi, Selangor)

Jangan lepaskan peluang ini! Terima kasih dan jangan ragu untuk hubungi kami jika ada sebarang pertanyaan.

## Skrip Reply: Beli di Whatsapp

<b>Ucap penghargaan</b>	Terima kasih [nama pelanggan] sebab berminat dengan promosi ini.
<b>Beritahu cara yang mudah untuk dapatkan promosi</b>	Anda layak untuk menerima sampel produk percuma dengan pembelian minimum RM50 produk penjagaan kulit seterusnya di XYZ Skincare.
<b>Penerangan tawaran tambahan (jika ada)</b>	Tawaran ini khas untuk [servis tersenarai] sahaja & sah dalam masa 3 hari bermula hari ini.  So, jangan lepaskan peluang.
<b>Cara beli di Whatsapp</b>	Caranya:  1) Pilih produk 2) Bagi alamat untuk pos 3) Lengkapkan bayaran
<b>Buka ruang untuk tanya soalan</b>	Kalau ada soalan, boleh tanya terus Erin di sini okay. Happy shopping ~

### Contoh

Terima kasih kerana menyertai promosi kami!

Anda layak untuk menerima sampel produk percuma dengan pembelian minimum RM50 produk penjagaan kulit seterusnya di XYZ Skincare.

Tawaran ini sah untuk 3 hari sahaja, jadi jangan lepaskan peluang ini! ⚡ ⚡

Cara nak order?

Sila ikuti langkah-langkah mudah berikut:

1. Lihat semua produk yang tersedia dalam album gambar yang akan saya hantar selepas ini.
2. Pilih produk yang anda ingin beli dengan menyebut nama kod produk.
3. Hantar pesanan anda berserta alamat penghantaran melalui Whatsapp.
4. Lakukan pembayaran melalui nombor akaun yang akan disediakan.

Jika ada sebarang pertanyaan, jangan ragu untuk soal Erin ya. Terima kasih!